

Bil. S 95

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA
(PINDAAN), 2013

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Penggantian bab 2 dari S 47/2011.
 3. Pindaan bab 5.
 4. Pindaan bab 12.
 5. Pindaan bab 27.
 6. Pindaan bab 49.
 7. Pindaan bab 50.
 8. Pindaan bab 61.
 9. Pindaan bab 63.
 10. Pindaan bab 64.
 11. Pemansuhan Jadual Pertama.
 12. Pindaan Jadual Ketiga.
 13. Pindaan Jadual Kelima.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA

(PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pindaan), 2013 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009.

Penggantian bab 2 dari S 47/2011.

2. Bab 2 dari Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Pengenalan Perintah ini.

2. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Perintah ini (tetapi bukan peraturan-peraturan), Perintah ini hendaklah dikenakan kepada semua tempat kerja.”

Pindaan bab 5.

3. Bab 5 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Tertakluk kepada bab ini, “kilang” bermakna mana-mana premis yang di dalamnya orang-orang digaji dalam mana-mana proses yang berikut —

(a) pengendalian, penyisihan, pembungkusan, penyimpanan, pengubahan, pembaikan, pembinaan, pemprosesan atau pembuatan apa-apa barang atau produk;

(b) pengendalian, penyisihan, pembungkusan, penyimpanan, pemprosesan, pembuatan, penggunaan, pelupusan atau berhubung dengan, apa-apa bahan berbahaya;

(c) pembaikan, pembinaan atau pembuatan apa-apa vesel atau kenderaan;

(d) apa-apa pengendalian bangunan atau kerja binaan kejuruteraan;

(e) pengendalian atau penyenggaraan apa-apa kemudahan atau sistem berhubung dengan penyediaan apa-apa kemudahan awam.”

Pindaan bab 12.

4. Bab 12 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (3) —

(a) dalam perenggan (e), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan koma bernoktah;

(b) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

“(f) penyediaan dan penyenggaraan loji dan sistem kerja yang, setakat mana boleh dilaksanakan dengan munasabah, selamat dan tidak mendatangkan risiko kepada kesihatan.”

Pindaan bab 27.

5. Bab 27 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (1) boleh dikenakan kepada seseorang yang merupakan orang yang sedang bekerja yang dikecualikan yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.”

Pindaan bab 49.

6. Bab 49 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan (b), dengan memotong “\$500,000” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “\$10,000,000”.

Pindaan bab 50.

7. Bab 50 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan kecil (ii), dengan memotong “\$1,000,000” dari baris kedua dan menggantikannya dengan “\$20,000,000”.

Pindaan bab 61.

8. Bab 61 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memotong “yang dinyatakan dalam Jadual Pertama” dari dua baris akhir.

Pindaan bab 63.

9. Bab 63 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memotong “Tertakluk kepada bab 2(2),” dari baris pertama.

Pindaan bab 64.

10. Bab 64 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memansuhkan perenggan (g) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(g) pengendalian, penyisihan, pembungkusan, penyimpanan, pemprosesan, pembuatan, penggunaan, pelupusan atau berhubung dengan, apa-apa organisma merbahaya, bahan merbahaya dan bahan biobahaya;”.

Pemansuhan Jadual Pertama.

11. Jadual Pertama kepada Perintah utama adalah dimansuhkan.

Pindaan Jadual Ketiga.

12. Jadual Ketiga kepada Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memotong butiran 9; dan

(b) dalam butiran 13, dengan memotong “Katart” dan menggantikannya dengan “Katarak”.

Pindaan Jadual Kelima.

13. Jadual Kelima kepada Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan Bahagian II dan menggantikannya dengan Bahagian baru yang berikut —

“BAHAGIAN II

BAHAN-BAHAN BERBAHAYA

Pembahagian 1

Bahan-bahan merbahaya am

1. Bahan kakisan
2. Bahan mudah terbakar
3. Bahan letupan

4. Bahan pengoksidaan
5. Bahan piroforik
6. Gas di bawah tekanan
7. Peroksida organik
8. Bahan pemanasan sendiri
9. Bahan reaktif sendiri
10. Bahan yang, apabila bersentuhan dengan air, mengeluarkan gas mudah terbakar
11. Bahan toksik
12. Mutagen
13. Karsinogen
14. Teratogen
15. Alat pemeka
16. Bahan iritasi
17. Bahan berbahaya kepada alam sekitar akuatik.

Pembahagian 2

Bahan-bahan berbahaya tertentu

Kuantiti yang akan dipertimbangkan adalah kuantiti ambang bahan berbahaya bagi maksud-maksud pengurusan bencana.

Butiran	Bahan	Bilangan UN	Kuantiti ambang (dalam tan)
1.	Asetilena	1001	50
2.	Ammonia — kontang, cecair atau larutan ammonia, ketumpatan relatif kurang dari 0.880 pada suhu 15° dalam air, dengan lebih dari 50% ammonia	1005	200

Pembahagian 2 – (Sambungan)

Butiran	Bahan	Bilangan UN	Kuantiti ambang (dalam tan)
3.	Baja ammonium nitrat	2067	5000
4.	Ammonium nitrat — dengan tidak lebih dari 0.2% bahan mampu bakar, termasuk apa-apa bahan organik yang dikira sebagai karbon, kecuali apa-apa bahan tambahan lain	1942	2500
5.	Benzene	1114	5000
6.	Bromin atau larutan bromin	1744	100
7.	Klorin	1017	25
8.	Minyak mentah	1267	500
9.	Etilena oksida	1040	50
10.	Fluorin	1045	25
11.	Formaldehid	1198 atau 2209	50
12.	Larutan asid hidrofluorik, lebih besar 50%	1790	50
13.	Hidrogen	1049	50
14.	Hidrogen klorida — kontang	1050	250
15.	Hidrogen klorida — cecair sejuk	2186	250
16.	Hidrogen sianida	1051 atau 1614	20
17.	Hidrogen fluorida	1052	50
18.	Hidrogen sulfida	1053	50
19.	Metanol	1230	500
20.	Metana atau gas asli (cecair atau gas)	1971 atau 1972	200

Pembahagian 2 — (Sambungan)

Butiran	Bahan	Bilangan UN	Kuantiti ambang (dalam tan)
21.	Oksida nitrogen — termasuk nitrus oksida, nitrogen dioksida dan nitrogen trioksida	1067, 1070, 1660, 1975, 2201 atau 2421	50
22.	Oksigen	1072 atau 1073	2000
23.	Paraxilen	1307	5000
24.	Gas-gas petroleum — contoh — bahan kondensasi hidrogen butana, butilena, LPG, propilena, propana	3295 1011 1012 1075 1978 1077	200 (jumlah kapasiti segala gas petroleum)
25.	Produk petroleum sangat mudah terbakar (takat kilat < 0°C atau fasa risiko R12) — contoh, minyak jet, campuran minyak petroleum seperti RON 85 atau RON 97	Pelbagai	200 (jumlah kapasiti segala produk petroleum sangat mudah terbakar)
26.	Produk petroleum lain — (a) gasolin dan nafta; (b) kerosin; (c) minyak gas (termasuk minyak diesel, minyak pemanasan rumah dan arus adunan minyak gas)	Pelbagai	25000 (jumlah kapasiti segala produk petroleum).’.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1435 bersamaan dengan 31 haribulan Disember, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM